

**A**

Baca surat di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab semua soalan yang disediakan.

25, Jalan Mawar,  
Taman Perwira,  
53800 Segamat.

12 Mac 2005.

Menemui sahabatku, Mohammad Zulikram yang berada di Pasir Panjang, Kuala Terengganu. Harapan saya semoga saudara dan keluarga sihat sejahtera hendaknya.

Saudara yang diingati,

Terlebih dahulu saya ingin memohon maaf kerana baru sekarang saya berkesempatan membala surat saudara yang saya terima sejak dua bulan yang lalu. Untuk pengetahuan saudara, saya telah terlibat dalam suatu kemalangan jalan raya yang dahsyat. Tangan kanan dan paha kanan saya patah. Kepala saya pula luka. Saya telah dirawat di Hospital Kuala Terengganu.

Kemalangan ini berlaku apabila bas sekolah saya cuba mengelak sebuah kereta yang memotong sebuah lori dari arah bertentangan. Bas yang saya naiki hilang kawalan dan terbabs ke dalam gaung. Manakala kereta itu pula melanggar tiang lampu elektrik. Pemandu kereta itu tidak sedarkan diri dan cedera parah. Kebanyakan kawan saya mengalami kecederaan yang agak parah. Kami dibantu oleh para pemandu yang menggunakan jalan itu sebelum pihak ambulans, bomba, dan polis tiba.

Walaupun kini saya sudah bersekolah semula, tetapi luka saya masih belum sembuh sepenuhnya. Oleh sebab itu, saya dikecualikan menghadiri kelas Pendidikan Jasmani. Peluang ini saya gunakan untuk mengulang kaji pelajaran yang tertinggal. Kini ayah sayalah yang menghantar saya ke sekolah setiap hari.

Sekian dahulu untuk kali ini. Sampaikan salam saya buat keluarga saudara.  
Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,  
*Muhammad*

*Helmi*

- 1 Bagaimakah keadaan penulis selepas kemalangan itu?  
 A Cedera ringan    C Tidak sedarkan diri  
 B Cedera agak parah                                    D Kehilangan banyak darah
- 2 Siapakah yang menyebabkan kemalangan itu berlaku?  
 A Pemandu lori    C Pemandu trak  
 B Pemandu bas    D Pemandu kereta
- 3 Pada pendapat kamu, bilakah kemalangan tersebut berlaku?  
 A Pada bulan Januari                                    C Pada bulan Mac  
 B Pada bulan Februari                                    D Pada bulan April
- 4 Mengapakah Muhammad Helmi mengutus surat kepada sahabatnya, Mohammad Zulikram?  
 A Bertanyakan khabar tentang keadaan sahabatnya  
 B Menghilangkan rasa bosan semasa tinggal di wad  
 C Membalas surat yang telah dikirim oleh sahabatnya  
 D Menerangkan sebab terlewat membala surat sahabatnya
- 5 Pernyataan berikut adalah benar tentang petikan **kecuali**  
 A sebuah kereta turut terlibat dalam kemalangan itu.  
 B penulis dan kawan-kawannya menaiki bas ke sekolah.  
 C pemandu bas sekolah cuai ketika berada di jalan raya.  
 D banyak murid sekolah yang cedera dalam kemalangan itu.

**B**

*Pintar berbahasa – membetulkan yang biasa, membiasakan yang betul.  
Isikan tempat-tempat kosong dengan pilihan jawapan yang paling sesuai.*

- Guru Besar merakamkan ucapan terima kasih **di atas** pandangan dan pendapat guru-gurunya. (salah)  
Guru Besar merakamkan ucapan terima kasih **atas** pandangan dan pendapat guru-gurunya. (betul)  
{**Di atas** merujuk sesuatu yang mengisi ruang/tempat, **atas** merujuk perkara yang tidak boleh disentuh/abstrek}
- Carta Penulisan Bahasa Melayu UPSR itu terletak **atas** meja Ketua Panitia Bahasa Melayu. (salah)  
Carta Penulisan Bahasa Melayu UPSR itu terletak **di atas** meja Ketua Panitia Bahasa Melayu. (betul)  
{**Atas** merujuk perkara yang tidak boleh disentuh/abstrek, **di atas** merujuk sesuatu yang mengisi ruang/tempat}

1. Terima kasih ..... komen dan teguran yang pihak tuan berikan. (**atas, di atas**)  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
2. Pisau lipat itu terletak ..... para-para di bahagian kiri dapur rumahnya. (**atas, di atas**)  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
3. Dia dipilih mewakili sekolah bukan ..... dasar pilih kasih tetapi merujuk kebolehannya. (**atas, di atas**)  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
4. Dia berasa gembira ..... pemergian abangnya menyertai misi Aman Malaysia ke Aceh. (**atas, di atas**)  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
5. "Patik menjunjung segala perintah ..... jemala patik," kata hulubalang itu kepada sultan. (**atas, di atas**)  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_

**C**

*Salin ayat-ayat di bawah ini semula dengan meletakkan **kata bantu** yang **betul**.  
Pilihan kata bantu; {**belum, perlu, pernah, sudah, telah**}*

- 1 Adik Nurfadhilah ..... khatam al-Quran sebanyak dua kali.  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 2 Roti kaya itu tidak boleh dimakan kerana ..... tamat tarikh luputnya.  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 3 Walaupun pekerjaan ini agak sukar, kamu ..... melaksanakannya juga.  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 4 Eugene Lim ..... menjawat jawatan sebagai ketua kelas dua tahun yang lepas.  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 5 Buku latihan Penulisan Bahasa Melayu itu ..... disemak oleh Cikgu Muhammad Halili.  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**D**

Pilih kata adjektif yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong di bawah ini.

- |   |                     |                        |   |                       |                       |
|---|---------------------|------------------------|---|-----------------------|-----------------------|
| 1 Badan adik sudah berisi. Semua bajunya telah menjadi _____.             | A ketat<br>B besar  | C singkat<br>D longgar | 6 Cuaca pagi ini agak _____ sedikit kerana malam tadi hujan turun dengan lebat. | A sejuk<br>B damai    | C panas<br>D nyaman   |
| 2 Pak Cik Shamsudin mengasah pisau itu kerana sudah _____.                | A nipis<br>B kasar  | C kesat<br>D tumpul    | 7 Kerjanya begitu _____, menjadikan hasil gubahannya tersangat cantik.          | A tertib<br>B sopan   | C lemah<br>D lembut   |
| 3 Darah _____ mengalir pada betis budak lelaki itu kerana digigit lintah. | A cair<br>B putih   | C pekat<br>D merah     | 8 Keadaan di Kampung Teluk Penadah sungguh _____ dan tenang.                    | A cermat<br>B serabut | C nyaman<br>D gembira |
| 4 Ikan haruan itu berbau _____ sehingga meloyakan tekak saya.             | A hapik<br>B tengik | C hanyir<br>D hancing  | 9 Amirul berjalan dengan _____ kerana dia hendak cepat sampai di rumahnya.      | A tertib<br>B gopoh   | C lambat<br>D cermat  |
| 5 Nur Hayati berasa _____ untuk berpisah dengan kawan-kawan sedarjahnya.  | A pilu<br>B gusar   | C geram<br>D marah     | 10 Premis yang _____ itu akan dirobohkan oleh Majlis Bandaran Taiping.          | A baru<br>B retak     | C antik<br>D runtuh   |

**E**

Pilih simpulan bahasa yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong di bawah ini.

- |  |                                    |                                       |   |                                   |                                   |
|--|------------------------------------|---------------------------------------|---|-----------------------------------|-----------------------------------|
| 1 Harga kain dan pakaian kanak-kanak di gedung itu _____ dan mahal pula.                                       | A lintah darat<br>B mata duitan    | C tumbuk rusuk<br>D paku belanda      | 6 Lebih baik duduk di rumah menonton televisyen daripada menjadi _____.   | A batu api<br>B puteri lilin      | C kutu embun<br>D kepala batu     |
| 2 Budak yang _____ itu tersengih-sengih apabila dipuji di khalayak ramai.                                      | A puteri lilin<br>B kutu embun     | C makan angkat<br>D senapang bambu    | 7 Saya muh bukti _____ sebelum kamu menggeledah rumah saya.   | A putih hati<br>B putih mata      | C hitam putih<br>D bendera putih  |
| 3 Rogayah selalu duduk di bawah pokok atau di tempat yang redup kerana dia _____.                              | A puteri lilin<br>B raja sehari    | C bulan madu<br>D jantung hati        | 8 Untuk _____ bapanya, Rosli membelikan sebuah mesin basuh automatik.   | A putih hati<br>B sejuk hati      | C ambil hati<br>D teguh hati      |
| 4 _____ Encik Raju akan melangsungkan perkahwinannya di Dewan Utama Hotel HillCity, Ipoh, pada minggu hadapan. | A Anak buah<br>B Anak bulan        | C Anak jantan<br>D Anak dagang        | 9 Zainuddin akan pergi mencari kerja di ibu kota. Kalau _____ dapatlah dia pekerjaan dan berisilah poketnya nanti.          | A durian runtuh<br>B untung sabut | C lipas kudung<br>D ringan tulang |
| 5 Solehah menerima pekerjaan guru sandaran itu sebagai _____ sebelum dia memperoleh pekerjaan yang lebih baik. | A batu loncatan<br>B orang harapan | C tulang belakang<br>D mengadu untung | 10 _____ Encik Ramakrishnan telah selamat melahirkan anak mereka yang keempat di Wad Bersalin, Hospital Daerah Teluk Intan. | A Orang kanan<br>B Orang rumah    | C Orang atasan<br>D Orang harapan |

**F***Item karangan format baru 2005 - membina lima ayat berpandukan gambar yang diberi.***Bahagian A**

[Masa yang dicadangkan : 15 minit]

[10 markah]

1. Tulis lima ayat lengkap tentang gambar di bawah.

**BAHAGIAN A**

Nombor Soalan

<hr/> <hr/> <hr/> <hr/> <hr/>	

**G**

Penulisan Genre format baru 2005 – Karangan Jenis **Surat Kiriman Tidak Rasmi**.

### Bahagian B

[Masa yang dicadangkan : 40 minit]

**[30 markah]**

Kawan baik kamu telah mengirimkan hadiah kepada kamu sempena hari lahir kamu.  
Tulis sepucuk surat untuk menyatakan terima kasih kamu kepadanya.

Isikan tempat-tempat kosong dalam karangan di bawah ini dengan pilih jawapan yang betul.

kekal

bermakna

coretkan

menduduki

berada

menulis

azimat

berguna

tercatat

hampir

#### MENYATAKAN UCAPAN TERIMA KASIH

No. 114, Persiaran Damai 18,  
Taman Sri Damai,  
35000 Tapah,  
Perak Darul Ridzuan.  
28 Februari 2005.

Ke hadapan sahabatku Nur Nadia Najwa yang ...**(1)**... di Taman Medan, Petaling Jaya. Apa khabar saudari sekarang? Saya dan keluarga di sini, sihat-sihat sahaja. Harapan saya, semoga saudari juga dalam situasi yang menggembirakan.

Tujuan saya ...**(2)**... surat ini adalah untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada saudari kerana hadiah yang saudari kirimkan tempoh hari. Hadiah itu sungguh ...**(3)**... bagi saya. Saya berasa amat gembira menerima hadiah tersebut.

Saudari masih ingat akan tarikh lahir saya walaupun sudah ...**(4)**... setahun kita berpisah. Saya berdoa semoga persahabatan kita akan ...**(5)**... untuk selama-lamanya. Bak kata pepatah, “biar jauh di mata tetapi dekat di hati”.

CD pembelajaran interaktif yang saudara hadiahkan itu sangat ...**(6)**... kepada saya. Maklumlah, sebagai persediaan ...**(7)**... UPSR. Saya akan teroka ilmu yang terkandung dalam CD tersebut.

Cogan kata “Usaha pasti Jaya” yang ...**(8)**... pada CD tersebut sungguh dalam pengertiannya. Saya jadikan cogan kata itu sebagai ...**(9)**... untuk saya meneroka dan menguasai ilmu dengan lebih tekun.

Setakat ini dahulu yang dapat saya ...**(10)**... buat tatapan saudari. Akhir kata, sambutlah salam mesra untuk saudari sekeluarga di sana. Sekian.

Saya yang benar,  
*Nurul Nazirah*

### BAHAGIAN B

Nombor Soalan

**H**

*Item terkini 2005 - menyenarai/menulis amalan baik dan nilai murni daripada petikan yang disediakan.*

### Bahagian C

[Masa yang dicadangkan : 20 minit]  
[20 markah]

1. Tulis beberapa hasrat dan harapan yang kamu boleh dapat daripada petikan berita di bawah.  
Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**.  
Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

**KUALA KUBU BHARU**, 23 Februari – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, secara rasmi melancarkan Program Khidmat Negara (PKN) menegaskan, kerajaan memberi nilai tinggi kepada generasi muda dan mengiktiraf peranan mereka sebagai bakal pemimpin masa depan. Perdana Menteri berkata, golongan muda yang mewakili 60 peratus rakyat negara ini akan berperanan di barisan hadapan membawa negara ke mercu kejayaan. Lebih-lebih lagi, apabila Malaysia mencapai status negara maju 15 tahun akan datang.

PKN, katanya adalah usaha terbaru kerajaan untuk melahirkan generasi muda Malaysia yang baik, berdisiplin, berpekerti mulia, bercita-cita tinggi, malah berkeupayaan untuk berjaya dalam segala bidang yang diceburi. “Kita berharap, mereka yang menerima latihan Program Khidmat Negara ini akan menjadi anak muda yang lebih bertanggungjawab, jujur, amanah, berdisiplin, dan berpekerti mulia,” katanya ketika melancarkan program itu di Kem Bina Semangat Yayasan Selangor, semalam.

Nombor Soalan	
---------------	--

### Bahagian C

--

TEMA : 6

SURAT KR

ASUHAN KOMPAK LESTARI  
TOPIKAL BAHASA MELAYU**A***Baca surat di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab semua soalan yang disediakan.*

Sekolah Kebangsaan Selabak,  
36000 Teluk Intan,  
PERAK DARUL RIDZUAN.

Guru Besar,  
Sekolah Kebangaan Tebok Banjar,  
36000 TELUK INTAN.

Tarikh : 14 Februari 2005

Tuan,

**UNDANGAN MENYERTAI ACARA OLAHRAGA ANTARA SEKOLAH**

Sukacita dimaklumkan bahawa sekolah kami akan mengadakan Sukan Tahunan Ohahraga pada hari **Khamis bersamaan 24 Februari 2005**. Sukan ini bermula pada pukul **2.30 petang** dan diadakan di **padang sekolah**.

2. Bagi memeriahkan hari sukan tersebut, saya bagi pihak sekolah ini berhasrat mengundang peserta dari sekolah tuan bagi menyertai acara popular 4 X 100 meter antara sekolah. Penyertaan bagi acara ini terbuka kepada satu pasukan lelaki dan satu pasukan perempuan.

3. Saya berharap agar penyertaan pasukan tuan itu nanti bukan sahaja dapat memeriahkan temasya sukan di sekolah saya, malahan juga dapat mengeratkan lagi hubungan murid-murid dari kedua-dua buah sekolah. Selain itu, kesempatan ini akan memantapkan lagi persediaan mereka untuk menyertai Sukan Antara Sekolah-sekolah Peringkat Daerah dan Peringkat Negeri Perak yang akan berlangsung pada bulan Mac nanti.

4. Saya juga mengharapkan kerjasama agar pihak tuan dapat memberikan persetujuan sama ada menerima atau menolak undangan kami ini. Sila beri jawapan pada atau sebelum 21 Februari 2005.

5. Kerjasama daripada pihak tuan akan memudahkan urusan kami. Keprihatinan pihak tuan sangat kami hargai. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi saya melalui; Tel : 05-6212893(Sekolah) / 019-5758131 atau E-Mel kepada [sksalabak@tm.net.my](mailto:sksalabak@tm.net.my).

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

*Tarmizi Zakaria*

(TARMIZI BIN ZAKARIA)

Guru Besar,  
SK Selabak, 3600 Teluk Intan.

- 1 Tujuan surat di atas ditulis adalah untuk menjemput pasukan
 

<b>A</b> lari pecut.	<b>B</b> acara padang.	<b>C</b> lari berhalangan.	<b>D</b> lari berganti-ganti.
----------------------	------------------------	----------------------------	-------------------------------
- 2 Siapakah yang akan menentukan sama ada menerima atau menolak undangan di atas?
 

<b>A</b> Pengurus Sukan Kelompok	<b>C</b> Penolong Kanan Kokurikulum
<b>B</b> Penolong Kanan Pentadbiran	<b>D</b> Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
- 3 Jika sepuluh buah sekolah telah bersetuju menerima undangan di atas, lapan daripada sekolah berkenaan menghantar kedua-dua pasukan. Berapa pasukan yang bakal bertanding?
 

<b>A</b> 16 pasukan	<b>B</b> 18 pasukan	<b>C</b> 20 pasukan	<b>D</b> 22 pasukan
---------------------	---------------------	---------------------	---------------------
- 4 Perkara yang manakah yang mungkin bukan menjadi tujuan utama sesuatu pertandingan sukan diadakan?
 

<b>A</b> Mencipta keagungan	<b>C</b> Memeriahkan suasana
<b>B</b> Menceraskan badan	<b>D</b> Mengeratkan persahabatan
- 5 Nyatakan cara paling cepat bagi menyatakan persetujuan untuk menyertai acara jemputan sukan di atas?
 

<b>A</b> Surat	<b>B</b> Telefon	<b>C</b> Pesanan SMS	<b>D</b> Surat Elektronik
----------------	------------------	----------------------	---------------------------

**B**

*Pintar berbahasa – membetulkan yang biasa, membiasakan yang betul.  
Isikan tempat-tempat kosong dengan pilihan jawapan yang paling sesuai.*

- Di antara acara yang disediakan sempena Hari Kanak-kanak Sedunia ialah mewarna dan melukis. (salah)  
**Antara acara yang disediakan sempena Hari Kanak-kanak Sedunia ialah mewarna dan melukis. (betul)**  
 {Di antara merujuk kedudukan/tempat atau lokasi, antara pula merujuk sebahagian daripada/beberapa}
- Komputer “note-book” yang baru diterima itu telah disimpan dalam almari besi di bilik Guru Besar. (salah)  
**Komputer “note-book” yang baru diterima itu telah disimpan di dalam almari besi di bilik Guru Besar. (betul)**  
 {Dalam merujuk perkara yang tidak nyata/abstrek, di dalam merujuk sesuatu yang mengisi ruang/tempat}

1. Pondok itu berada ..... pokok durian dan pokok manggis. (antara, di antara)  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
2. Beliau sudah lama berkecimpung ..... bidang perniagaan automobil. (dalam, di dalam)  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
3. Punca kegagalan seseorang ..... nya ialah sikap malas dan mudah putus asa. (antara, di antara)  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
4. Saya suka kuih yang pedas ..... nya ialah kuih karipap, pulut panggang, dan popia. (antara, di antara )  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
5. ..... pertemuan itu, beliau banyak mendengar masalah yang disuarakan oleh pegawainya. (Dalam, Di dalam)  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_

**C**

*Pilih dan tentukan penanda wacana yang paling sesuai untuk diisikan ke tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.*

- |                  |                    |                       |
|------------------|--------------------|-----------------------|
| 1 Oleh sebab itu | 3 Lebih-lebih lagi | 5 Walau bagaimanapun  |
| 2 Dalam pada itu | 4 Biarpun demikian | 6 Sungguhpun demikian |

1. Suatu kebakaran besar telah berlaku di Tanjung Sepat. \_\_\_\_\_ tiada kemalangan jiwa dilaporkan.  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
2. Safinas diserang demam campak. \_\_\_\_\_, dia tidak hadir ke sekolah,” kata adiknya kepada Cikgu Hani.  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
3. Haikal seorang pemuda yang cacat. \_\_\_\_\_, dia tidak pernah mengharapkan belas kasihan daripada orang lain.  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
4. Hasil lukisan Suhaili tidak pernah berjaya memenangi anugerah. \_\_\_\_\_, semangat untuk terus melukis tidak pernah pudar.  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_
5. Motosikal Leong Jim Jee terbabas ketika dia melalui selekoh yang licin itu. \_\_\_\_\_, dia juga terlanggar sebatang pohon cempedak.  
 Jawapannya : \_\_\_\_\_

**D**

Pilih kata kerja yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong di bawah ini.

- |   |                         |                                |  |                               |                                |
|---|-------------------------|--------------------------------|--|-------------------------------|--------------------------------|
| 1 Pak Cik Husin _____ kayu api itu dengan kapak siam.   | A menarah<br>B membela  | C menebang<br>D memangkas      | 6 Mereka _____ leher untuk menegakkan pendapat masing-masing.  | A bergalas<br>B bertegak      | C berpatah<br>D bertegang      |
| 2 Baginda Sultan Pahang akan _____ ke Australia pada minggu hadapan.                                      | A beradu<br>B bersiram  | C berkenan<br>D berangkat      | 7 Para nelayan persisiran pantai itu telah pulang daripada _____ ikan di laut.                                 | A mencari<br>B mengail        | C menjerat<br>D menangkap      |
| 3 Puan Rositah _____ adiknya bermain di tepi lombong tinggal itu.   | A menegur<br>B menegah  | C membidas<br>D megherdik      | 8 Kerbau Pak Meon _____ apabila dipukul oleh budak-budak nakal itu.  | A menari<br>B merintih        | C meracau<br>D melompat        |
| 4 Wanita yang beragama Islam dilarang memakai pakaian yang _____ mata.                                    | A membuka<br>B mencolok | C membeliak<br>D menggugat     | 9 Datin Marina sedang _____ lauk-pauk di dapur bersama-sama orang gajinya.                                     | A merebus<br>B menumis        | C memasak<br>D menyiang        |
| 5 Para peserta kem itu _____ unggun api untuk memanaskan badan semasa berkhemah di Hutan Lipur Kuala Woh. | A membuat<br>B memasang | C menyalakan<br>D menghidupkan | 10 "Sebelum masuk tidur jangan lupa gosok gigi dan basuh kaki," itulah yang selalu _____ oleh ibu kepada saya. | A diingatkan<br>B diwasiatkan | C diamanatkan<br>D diamanahkan |

**E**

Pilih perkataan yang **sama erti** dengan perkataan **bergaris** dalam ayat di bawah.

- |   |                                |                                    |   |                                |                                       |
|---|--------------------------------|------------------------------------|---|--------------------------------|---------------------------------------|
| 1 Saya dan keluarga <u>bercadang</u> hendak pulang ke kampung minggu depan.           | A berura-ura<br>B bercita-cita | C berkata-kata<br>D berpakat-pakat | 6 Semua aktiviti <u>sehari suntuk</u> ini diadakan di Stadium Mini Sabak Bernam.        | A masa terhad<br>B masa lapang | C sepanjang hari<br>D kesuntukan masa |
| 2 Saya berasa <u>bangga</u> kerana dapat mengambil bahagian dalam acara sukan.        | A berlagak<br>B sompong        | C besar hati<br>D besar kepala     | 7 Gunakan masa <u>senggang</u> kamu dengan aktiviti yang berfaedah.                     | A sibuk<br>B lapang            | C belajar<br>D berehat                |
| 3 Jualan mega "Cuti-cuti Malaysia" akan diadakan pada <u>penghujung</u> tahun ini.    | A awal<br>B akhir              | C tamat<br>D pertengahan           | 8 Encik Muhamad Kamal akan <u>mengikuti</u> kursus pengurusan selama tiga bulan.        | A melalui<br>B menuruti        | C menyertai<br>D mendapatkan          |
| 4 Lelaki itu berpura-pura <u>capik</u> bagi mendapatkan simpati daripada orang ramai. | A sakit<br>B tepok             | C bengkak<br>D tempang             | 9 Kaki Puan Naemah terseliuh setelah <u>terlanggar</u> pada sebatang akar pokok durian. | A terbelit<br>B terpaut        | C terpijak<br>D tersandung            |
| 5 Hakisan yang kuat telah menyebabkan air di hulu sungai itu menjadi <u>cetek</u> .   | A keruh<br>B jernih            | C dalam<br>D dangkal               | 10 <u>Potret</u> itu adalah hasil lukisan adik saya semasa dia berumur tujuh tahun.     | A Kad<br>B Carta               | C Poster<br>D Gambar                  |

**F***Item karangan format baru 2005 - membina lima ayat berpandukan gambar yang diberi.***Bahagian A**

[Masa yang dicadangkan : 15 minit]

[10 markah]

1. Tulis lima ayat lengkap tentang gambar di bawah.

**BAHAGIAN A**

Nombor Soalan

Nombor Soalan	
<hr/>	

**G**

Penulisan Genre format baru 2005 – Karangan Jenis **Surat Kiriman Rasmi**.

**Bahagian B**

[Masa yang dicadangkan : 40 minit]  
**[30 markah]**

*Pasukan lari berganti-ganti sekolah kamu diundang untuk menyertai sukan tahunan di sebuah sekolah. Sebagai Setiausaha Persatuan Olahraga, tulis sepuak surat untuk menyatakan persetujuan menyertai acara tersebut.*

*Isikan tempat-tempat kosong dalam karangan di bawah ini dengan pilih jawapan yang betul.*

menerima

pasukan

temasya

ucapkan

mampu

perkara

lumba

menyertai

bertanding

kejohanan

**SURAT ADUAN KEROSAKAN LAMPU DAN KIPAS**

Sekolah Kebangsaan Dato' Sagor,  
 36800 Kampong Gajah,  
 PERAK DARUL RIDZUAN.

Guru Besar,  
 Sekolah Kebangsaan Changkat Lada,  
36800 KAMPONG GAJAH.

21 Februari 2005.

Tuan,

**Persetujuan Menyertai Acara Lari Berganti-ganti Antara Sekolah**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk ...**(1)**... di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa surat tuan telah diterima. Ribuan terima kasih saya ...**(2)**... atas undangan untuk ...**(3)**... Kejohanan Sukan Tahunan Kali Ke-21 pada tahun ini.
  3. Sehubungan dengan itu, kami dengan rasa besar hati ...**(4)**... undangan tersebut. Kami akan menyertai ...**(5)**... olahraga pada 24 Februari 2005 itu nanti.
  4. Sekolah kami akan diwakili oleh dua ...**(6)**... bawah umur 12 tahun. Kami juga akan menghantar pasukan bagi kategori lelaki dan perempuan. Kedua-dua pasukan tersebut akan ...**(7)**... dalam acara 4 x 100 meter ...**(8)**... lari berganti-ganti.
  5. Kami berharap agar penyertaan pasukan kami dapat memeriahkan ...**(9)**... sukan sekolah tuan. Justeru, diharapkan kejohanan ini ...**(10)**... melahirkan bakat-bakat baru.
- Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas,

*Faizal Riza*

(FAIZAL RIZA BIN ABDUL HANIF)  
 Setiausaha Persatuan Olahraga,  
 Sekolah Kebangsaan Dato' Sagor.

**BAHAGIAN B**

Nombor Soalan

 H

Item terkini 2005 - menyenarai/menulis amalan baik dan nilai murni daripada petikan yang disediakan.

### Bahagian C

[Masa yang dicadangkan : 20 minit]  
[20 markah]

1. Tulis beberapa hasrat dan harapan yang kamu boleh dapat daripada petikan di bawah.  
Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**.  
Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Bersenam atau latihan jasmani memberi banyak faedah kepada kita, terutamanya murid-murid sekolah. Setelah penat belajar sepanjang hari, bersenam boleh menolong murid-murid menghilangkan ketegangan dan membebaskan diri daripada perasaan bimbang. Murid-murid yang jarang bersenam akan mudah mendapat selesema, batuk, dan lenguh-lenguh badan. Semasa belajar, murid-murid amat banyak menghabiskan masa duduk di atas kerusi. Ini boleh menyebabkan perjalanan darah menjadi kurang lancar. Akibatnya, badan menjadi lemah di samping tidak berupaya untuk berfikir dan mengingati apa yang dipelajari.

Kita haruslah menanamkan satu kesedaran di dalam diri tentang kepentingan bersenam. Murid-murid yang selalu bersenam didapati lebih cergas dan kebiasaannya dapat menyelesaikan masalah dengan baik. Mereka juga dapat menyesuaikan diri di kalangan rakan-rakan sebaya. Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengajak rakan-rakan supaya mengamalkan senaman setiap hari.

Nombor Soalan	
---------------	--

### Bahagian C


TEMA : 7

CATATAN

ASUHAN KOMPAK LESTARI  
TOPIKAL BAHASA MELAYU**A***Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab semua soalan yang disediakan.***JUMAAT, 27 MEI 2005****4.00 petang**

Para peserta mula memenuhi kawasan perkhemahan di Pelabuhan Lumut untuk melaporkan diri. Kegembiraan terbayang pada wajah para peserta. Semuanya bersemangat untuk menyertai ekspedisi berkayak ke Pulau Pangkor anjuran Pertubuhan Belia 4B (Malaysia) Kawasan Sabak Bernam, Selangor. Selepas melaporkan diri, sesi berkenal-kenalan diadakan oleh pihak penganjur.

**8.30 malam**

Selepas makan malam, kami diberi taklimat tentang laluan perjalanan oleh ketua operasi ekspedisi, Encik Kassim Selamat. Banyak kata perangsang dan peringatan yang ditujukan kepada kami. Kami turut dinasihati supaya sentiasa berwaspada, ingat sebelum kena, jimat sebelum habis.

**SABTU, 28 MEI 2005****8.00 pagi**

Suasana pagi itu heboh dan riuh-rendah kerana para peserta sibuk mengemaskan barang keperluan masing-masing. Selepas bersarapan, sekali lagi taklimat diberikan. Kami diminta memakai pakaian yang sesuai dan dimestikan memakai jaket keselamatan. Pada pukul 9.00 pagi, kayak-kayak mula diturunkan ke tepi pantai. Pada wajah setiap peserta tergambar keseronokan dan semangat yang berkobar-kobar. Setengah jam kemudian, arahan untuk berlepas diberikan, dayung pun bermula. Kami diiringi dan diawasi oleh lima orang jurulatih dan dua buah bot marin, satu daripada Jabatan Laut Lumut dan satu lagi daripada Tentera Laut Lumut.

**11.00 pagi**

Cabarhan mula kami rasa kerana arus semakin deras. Kami diingatkan supaya bertenang. Sungguhpun demikian, beberapa orang pendayung gagal mengawal kayak dengan baik dan kehilangan haluan kerana pukulan ombak yang besar menjelaskan imbangan badan mereka. Namun, alang-alang berdakwat biar hitam. Mereka tidak cepat panik. Ekspedisi diteruskan. Berkat kesungguhan, kayak dapat dikendalikan dengan baik dan stabil semula.

**12.00 tengah hari**

Kami tiba di tempat menternak ikan dalam sangkar. Perjalanan dihentikan seketika untuk berehat. Kesempatan itu kami gunakan untuk mengalas perut. Setelah berehat selama dua jam, kami meneruskan semula perjalanan, tepat pada pukul 2.00 petang. Kira-kira dua jam tiga puluh minit, tiba-tiba kami di destinasi.

**AHAD, 29 MEI 2005****8.00 pagi**

Selepas sarapan pagi, kami membersihkan tempat perkhemahan. Selepas makan tengah hari, kami berangkat untuk pulang ke Pelabuhan Lumut. Pihak penganjur telah menyediakan sebuah bot bagi urusan tersebut.

- 1 Para peserta ekspedisi berkayak menyertai program lasak ini selama
 

<b>A</b> 2 hari 1 malam	<b>B</b> 2 hari 2 malam	<b>C</b> 3 hari 2 malam	<b>D</b> 3 hari 3 malam
-------------------------	-------------------------	-------------------------	-------------------------
- 2 Perkara berikut perlu diberi perhatian oleh para peserta sebelum memulakan ekspedisi berkayak, **kecuali**

<b>A</b> sihat jasmani dan rohani	<b>C</b> kesesuaian dan saiz kayak
<b>B</b> jenis pakaian yang dipakai	<b>D</b> memakai jaket keselamatan
- 3 Bagaimakah peserta ekspedisi seharusnya menghadapi kesukaran mengawal kayak?
 

<b>A</b> Berehat seketika	<b>C</b> Meminta bantuan rakan
<b>B</b> Tidak mudah cemas	<b>D</b> Berkayak melawan arus
- 4 Berapa lamakah masa berkayak yang diambil oleh para peserta untuk sampai di Pulau Pangkor?
 

<b>A</b> 4 jam	<b>B</b> 5 jam	<b>C</b> 6 jam	<b>D</b> 7 jam
----------------	----------------	----------------	----------------
- 5 Pada pendapat kamu, apakah kebaikan ekspedisi berkayak ini kepada para belia dan belianwanis?
 

<b>A</b> Dapat membuktikan kehebatan diri sendiri	<b>C</b> Dapat meneroka dan menikmati keindahan laut
<b>B</b> Dapat menguji ketahanan fizikal dan mental	<b>D</b> Dapat menonjolkan kekuatan dan ketahanan diri

**B**

Pintar berbahasa – membetulkan yang biasa, membiasakan yang betul.  
Tentukan jawapan dengan menambah imbuhan yang betul pada kata akar yang diberi.

- Emak mengkhaskan lauk ayam gulai kari itu untuk kakak yang masih belum pulang dari sekolah. (salah)  
Emak **mengekhaskan** lauk ayam gulai kari itu untuk kakak yang masih belum pulang dari sekolah. (betul)  
(Perkataan yang terbentuk hanya daripada satu suku kata mesti menerima imbuhan awalan **menge-**)
- Pekerja hotel itu sedang **menglap** dan membersihkan lantai mozek di dewan utama hotel tersebut. (salah)  
Pekerja hotel itu sedang **mengelap** dan membersihkan lantai mozek di dewan utama hotel tersebut. (betul)  
(Perkataan yang terbentuk hanya daripada satu suku kata mesti menerima imbuhan awalan **menge-**)

1. Kelab Seni Budaya itu ..... ahlinya kepada tiga ratus orang sahaja. (had)

Jawapannya : \_\_\_\_\_

2. Emak sedang ..... beras sebelum dimasukkan ke dalam sarung ketupat. (tus)

Jawapannya : \_\_\_\_\_

3. Beberapa orang pekerja hotel sedang ..... lantai mozek di ruang lobi hotel tersebut. (mop)

Jawapannya : \_\_\_\_\_

4. Para pekerja Majlis Perbandaran Teluk Intan sedang ..... bangunan Menara Condong. (cat)

Jawapannya : \_\_\_\_\_

5. Cik Salmiah ..... surat berdaftar itu kepada Syarikat Penerbit Mega Setia Emas Sendirian Berhad. (pos)

Jawapannya : \_\_\_\_\_

**C**

Salin ayat-ayat di bawah ini semula dengan meletakkan **kata nafi** yang betul.

- 1 Baju batik tulis itu (**bukan**, **tidak**) diperbuat daripada benang sutera asli.

---



---

- 2 Maria Mariana (**bukan**, **tidak**) berat mulut tetapi dia kurang sihat pada hari itu.

---



---

- 3 Sazali (**bukan**, **tidak**) membeli komputer riba tetapi dia membeli mesin pengimbas.

---



---

- 4 Budak lelaki itu (**bukan**, **tidak**) tinggal dengan ibu bapanya, dia tinggal dengan opahnya.

---



---

- 5 Puan Faizah (**bukan**, **tidak**) mencabut kunci keretanya semasa dia hendak pergi ke market mini.

---



---

D

**Pilih kata keterangan** yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong di bawah ini.

- 1 Siti Khamisah \_\_\_\_\_ mengingati teguran dan nasihat arwah ibunya.  
A sudah C mungkin  
B sedang D sentiasa

2 "Buah mangga muda ini masam \_\_\_\_\_," kata Puan Junainah.  
A agak C begitu  
B betul D paling

3 Dalam kelas Lima Bestari, Nur Sazidahlah yang \_\_\_\_\_ tinggi.  
A betul C mungkin  
B paling D barangkali

4 "Kereta saya \_\_\_\_\_ yang itu. Yang inilah kereta saya," kata Morgan sambil tersenyum.  
A tidak C begini  
B bukan D mungkin

5 Murid-murid yang akan menduduki peperiksaan \_\_\_\_\_ belajar bersungguh-sungguh untuk memperoleh kejayaan yang gemilang.  
A telah C masih  
B harus D belum

6 Cik Norainie \_\_\_\_\_ teringat akan ibu dan keluarganya di kampung.  
A selalu C begitu  
B paling D sangat

7 Kenderaan pelbagai guna yang dipamerkan itu adalah yang \_\_\_\_\_ baru.  
A paling C sangat  
B begitu D sebenar

8 "\_\_\_\_\_ lagi tibaalah anggota rombongan meminang itu," kata Lebai Latif.  
A Sejurus C Sebentar  
B Sentiasa D Sedemikian

9 \_\_\_\_\_ bekalan elektrik di Taman Sepakat Jaya ini terputus juga.  
A Bila-bila C Jangan-jangan  
B Entah-entah D Kadang-kadang

10 Surat berdaftar dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) itu \_\_\_\_\_ kepunyaan Encik Muhammad Kamal.  
A tidak C belum  
B mesti D bukan

E

Pilih perkataan yang **berlawan** dengan perkataan **bergaris** dalam ayat di bawah.

- 1 Kerosakan lampu dan kipas di kelas itu sudah dimaklumkan kepada Guru Besar.  
**A** Keelokan                   **C** Kecantikan  
**B** Kecerianan               **D** Kesempurnaan

2 Suasana di bilik Pendidikan Jasmani itu agak gelap jika hari mendung.  
**A** kabus ... hujan           **C** malam ... siang  
**B** kabur ... kelam           **D** terang ... cerah

3 Bangunan sekolah berasrama penuh yang baru itu terletak di kawasan tanah tinggi serta jauh daripada kesibukan kota.  
**A** datar                      **C** lembah  
**B** subur                      **D** gersang

4 Pembedahan bayi kembar siam itu melibatkan pemisahan pada bahagian dada.  
**A** peleraian                  **C** pemotongan  
**B** penorehan                  **D** pencantuman

5 Doktor Faris telah mengesahkan bahawa nenek tidak mengidap demam Denggi.  
**A** mengakui                  **C** menyatakan  
**B** menafikan                  **D** membenarkan

6 Kipas yang rosak menjadikan kelas agak panas dan kami berasa kurang selesa semasa belajar.  
**A** sesuai                      **C** runsing  
**B** sempit                      **D** seronok

7 Sekolah saya ada menyediakan beberapa buah almari untuk menyimpan pakaian sukan.  
**A** menyorok                  **C** mengeluarkan  
**B** menyusun                  **D** mengabadikan

8 Encik Muhamad Sani sudah faham dan masak tentang permasalahan yang sering disampaikan oleh anak buahnya.  
**A** tahu                        **C** setuju  
**B** keliru                      **D** langsai

9 Hanif bersenam setiap hari supaya badannya sihat dan kelihatan pejal.  
**A** lasak                      **C** lembik  
**B** lemah                      **D** lembut

10 Mereka saling berpelukan setelah sekian lama berpisah dan kini dapat bertemu semula.  
**A** bercerai                   **C** bergaduh  
**B** berpisah                   **D** bertengkar

**F**

*Item karangan format baru 2005 - membina lima ayat berpandukan gambar yang diberi.*

**Bahagian A**

[Masa yang dicadangkan : 15 minit]

[10 markah]

1. Tulis lima ayat lengkap tentang jadual di bawah.

ZAT	SUMBER	FUNGSI
Karbohidrat	ubi kayu, ubi keledek, roti, nasi, kentang	memberi tenaga
Protein	susu, ikan, daging, ayam, kekacang	membina tisu badan dan membaiki tisu badan yang rosak
Vitamin	buah-buahan dan sayur-sayuran	menjauhkan penyakit, mengelakkan rabun mata, memberi kecerdasan
Garam Mineral	susu, telur, kerang, hati, limpa, ayam	membina tulang dan gigi serta menjauhkan penyakit
Lemak	minyak masak, mentega, keju, kicap	pelindung kepada organ jantung dan buah pinggang

**BAHAGIAN A**

Nombor Soalan	
---------------	--

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

**G**

Penulisan Genre format baru 2005 – Karangan Jenis Catatan.

### Bahagian B

[Masa yang dicadangkan : 40 minit]

**[30 markah]**

Sekolah kamu telah dipilih menjadi tuan rumah pertandingan mendeklamasikan sajak peringkat daerah. Tuliskan catatan lengkap tentang perjalanan pertandingan mendeklamasikan sajak tersebut.

Isikan tempat-tempat kosong dalam karangan di bawah ini dengan pilih jawapan yang betul.

bertumpu

peserta

mendapat

bangga

menerangkan

dinobatkan

menikmati

mengambil

ditonjolkan

kehadiran

### CATATAN PERTANDINGAN MENDEKLAMASIKAH SAJAK

**SABTU, 23 APRIL 2005**

**8.00 pagi**

Murid-murid mula memenuhi dewan. Guru Besar, guru-guru dan Yang Dipertua PIBG serta para peserta masuk ke dalam dewan. Para hakim sudah ...**(1)**... tempat. Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Kangsar juga tiba untuk merasmikan majlis hari itu.

**8.20 pagi**

Aku selaku Pengerusi Persatuan Bahasa dan Budaya mengalu-alukan ...**(2)**... para jemputan. Ketua hakim ...**(3)**... syarat-syarat pertandingan. Sistem pengadilan pula dinilai berdasarkan aspek kesesuaian tema, kelancaran, dan gaya persembahan.

**8.45 pagi**

Semua yang hadir ...**(4)**... ke tempat pertandingan. Pertandingan bermula, seramai 30 peserta akan mengambil bahagian. Pelbagai gaya dan aksi dipersembahkan. Ada antara ...**(5)**... yang menyampaikan sajak dengan penuh semangat.

**11.30 pagi**

Pengerusi MGB Daerah Kuala Kangsar menyampaikan ucapan penutup. Beliau ...**(6)**... dan berpuas hati dengan bakat yang ...**(7)**... pada pertandingan kali ini. Sementara itu, peserta-peserta pertandingan menanti keputusan dengan penuh debaran.

**11.45 pagi**

Keputusan diumumkan. Fadzli bin Shamsuri ....**(8)**... sebagai juara mendeklamasikan sajak. Siti Alina binti Ahmad ...**(9)**... tempat kedua dan Mohd Zaki bin Zainuddin di tempat ketiga. Hadiah disampaikan oleh Pengerusi MGB Daerah Kuala Kangar, Tuan Haji Marwan bin Othman.

**11.55 pagi**

Majlis bersurai. Tetamu dijemput ...**(10)**... jamuan di bilik khas. Guru Besar menepuk-nepuk bahuku. Beliau berpuas hati dengan tanggungjawab yang telah aku laksanakan. Guru penasihat persatuan tersenyum memerhatikan telatah kami.

### BAHAGIAN B

Nombor Soalan

**H***Item terkini 2005 - menyenarai/menulis amalan baik dan nilai murni daripada petikan yang disediakan.***Bahagian C**

[Masa yang dicadangkan : 20 minit]  
**[20 markah]**

1. Tulis beberapa pengajaran dan harapan yang kamu boleh dapat daripada petikan sajak di bawah.  
Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**.  
Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Isu kemerosotan disiplin pelajar-pelajar pada hari ini sedang hangat diperkatakan. Malah perkara ini membimbangkan semua pihak kerana keadaan ini telah menimbulkan berbagai-bagai masalah sosial. Antaranya seperti merokok, penyalahgunaan dadah, kegiatan samseng di sekolah, mencuri, peras ugut dan sebagainya. Dalam soal ini, siapakah yang sepatutnya dipersalahkan? Kemerosotan disiplin di kalangan pelajar adalah berpuncu daripada faktor-faktor tertentu. Antaranya ialah sikap pelajar-pelajar itu sendiri. Mereka seolah-olah terlalu terikut-ikut dengan budaya remaja dari barat yang inginkan kebebasan. Sekali gus, sikap ini boleh menyebabkan mereka melanggar peraturan-peraturan sekolah yang dianggap terlalu mengongkong kehidupan mereka.

Di samping itu, ibu bapa juga seharusnya memainkan peranan penting dalam menangani masalah kemerosotan disiplin pelajar-pelajar. Terdapat sesetengah ibu bapa yang menganggap kasih sayang anak-anak dapat dibeli dengan wang ringgit. Mereka mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai model dan ketua keluarga. Malahan, mereka tidak mengambil berat tentang pelajaran anak-anak mereka. Keadaan inilah menyebabkan anak-anak mereka menjadi liar dan bergaul dengan golongan yang tidak berdisiplin.

**Nombor Soalan****Bahagian C**

TEMA : 8

BERITA

**ASUHAN KOMPAK LESTARI  
TOPIKAL BAHASA MELAYU**
**A**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab semua soalan yang disediakan.*

**TELUK INTAN, 23 Januari 2005** - Lebih kurang 480 ahli keluarga Yeob Majeleh telah mengadakan pertemuan keluarga sempena sambutan Aidiladha di Dewan Peladang, Kampung Air Hitam dekat sini, semalam.

Pertemuan keluarga ini bertujuan untuk menjalin dan mengeratkan silaturahim. Kenal-mengenali antara satu sama lain serta menguatkan ikatan keluarga terutamanya kepada generasi muda yang mungkin tidak pernah bersua muka sebelum ini.

Penasihat majlis perjumpaan dan pertemuan keluarga tersebut, Dato' Hambal bin Yeob Majeleh berkata, pertemuan keluarga Yeob Majeleh yang julung kalinya diadakan ini dapat merapatkan hubungan yang lebih erat antara generasi muda dan generasi tua keluarga tersebut.

Dato' Hambal yang merupakan bekas Ahli Majlis Mesyuarat Kanan Negeri Perak berkata, Allahyarham Yeob Majeleh bin Pandak Mohid mempunyai lapan belas orang anak. Beliau pula mempunyai tiga orang isteri. Hubungan keluarga adik-beradik ini tidak begitu rapat kerana masing-masing membawa haluan hidupnya sendiri. Perjumpaan dan pertemuan ini direncana bagi mengukuhkan dan memantapkan ikatan kekeluargaan seluruh ahli keluarga Yeob Majeleh.

"Apabila pertemuan ini diatur saya bersyukur dapat bertemu dan mengenali adik-beradik saya termasuk cucu dan cicit yang selama ini tidak mengenali mereka dengan lebih rapat," ujarnya ketika ditemui selepas majlis itu. Menurutnya, pertemuan keluarga Yeob Majeleh sebagai titik tolak jalinan ikatan persaudaraan bertambah kukuh buat selama-lamanya.

Jelasnya, pertemuan itu telah dihadiri oleh anak dan menantu Yeob Majeleh. Setakat ini keluarga tersebut mempunyai 31 orang menantu, 298 orang cucu dan 153 orang cicit. Menurut beliau pertemuan itu lebih menarik kerana kesemua ahli keluarga Yeob Majeleh telah bersetuju untuk menujuhkan Persatuan Ikatan Keluarga Yeob Majeleh. Perjumpaan ini nanti akan menjadi perjumpaan bersiri.

Menurutnya lagi, satu laman web tentang salasilah keluarga tersebut akan dibangunkan dan buletin keluarga akan diterbitkan. Anak cucu Yeob Majeleh juga mempunyai kepakaran serta kebolehan untuk membina dan membangunkan laman web itu nanti. Dengan wujudnya laman web itu, mudahlah ahli keluarga Yeob Majeleh berhubung melalui internet pada ruang berborak.

Menceritakan asal-usul keluarga tersebut Dato' Hambal berkata, ayahnya berasal dari Kampung Teluk Pedayung, Mukim Lambor Kanan, Parit. Yeob Majeleh pernah menjadi guru agama di kebanyakan surau dan masjid di Daerah Perak Tengah. "Sehingga saat ini, kami masih mempunyai empat belas orang adik-beradik. Empat orang daripadanya telah meninggal dunia. Seorang daripada tiga isterinya masih hidup," ujar Dato' Hambal yang juga anak kelima daripada isteri pertama Yeob Majeleh.

- 1 Bilakah perjumpaan keluarga Yeob Majeleh itu diadakan?  
 A 21 Januari                            B 22 Januari                            C 23 Januari                            D 24 Januari
  
- 2 Apakah hasrat dan tujuan utama perjumpaan dan pertemuan ahli keluarga Yeob Majeleh ini diadakan?  
 A Bagi menerbitkan buletin dan membangunkan laman web  
 B Bagi mengukuhkan dan memantapkan ikatan kekeluargaan  
 C Bagi merapatkan hubungan generasi muda dan generasi tua  
 D Bagi mengenal pasti adik-beradik atau keluarga yang masih hidup
  
- 3 Semua kenyataan di bawah adalah benar tentang Yeob Majeleh bin Pandak Mohid, **kecuali**  
 A pernah bernikah sebanyak tiga kali.                                    C cucu dan cicitnya seramai 480 orang.  
 B mempunyai lapan belas orang anak.                                    D dilahirkan di kampung teluk pedayung.
  
- 4 Siapakah yang melaporkan berita perjumpaan keluarga ini kepada pihak akhbar?  
 A Cicit Yeob Majeleh    C Anak Yeob Majeleh  
 B Isteri Yeob Majeleh    D Cucu Yeob Majeleh
  
- 5 Di manakah perjumpaan dan pertemuan keluarga Yeob Majeleh ini diadakan?  
 A Di Dewan KAFA, Kampung Air Hitam                                    C Di Dewan Peladang, Kampung Air Hitam  
 B Di Dewan Bacaan, Kampung Air Hitam                                    D Di Dewan Orang Ramai, Kampung Air Hitam

**B**

*Pintar berbahasa – membetulkan yang biasa, membiasakan yang betul.  
Isikan tempat-tempat kosong dengan pilihan jawapan yang paling sesuai.*

- ❑ Kapal dagang British Columbia itu masuk ke pelabuhan Pasir Gudang **daripada** utara Selat Melaka. (salah)  
Kapal dagang British Columbia itu masuk ke pelabuhan Pasir Gudang **dari** utara Selat Melaka. (betul)

- ❑ Berhati-hati ketika berada di jalan raya untuk mengelakkan diri **dari** ditimpa malapetaka. (salah)  
Berhati-hati ketika berada di jalan raya untuk mengelakkan diri **daripada** ditimpa malapetaka. (betul)  
(**Dari** untuk menyatakan waktu atau masa, tempat, dan arah)  
(**Daripada** untuk menyatakan punca bagi manusia, haiwan, benda, atau unsur abstrek)  
(**Daripada** untuk menyatakan maksud sumber atau asal kejadian sesuatu benda)  
(**Daripada** untuk menyatakan perbezaan atau perbandingan)

1. Bas ekspres itu bertolak ..... Stesen Bas Jalan Duta tepat pada pukul 7.15 pagi. (dari, daripada)  
❑ Jawapannya : \_\_\_\_\_
2. Berat badanya menurun secara mendadak ..... 65 kilogram kepada 40 kilogram.(dari, daripada)  
❑ Jawapannya : \_\_\_\_\_
3. Pemenang-pemenang pidato itu menerima hadiah ..... Menteri Pelajaran Malaysia. (dari, daripada)  
❑ Jawapannya : \_\_\_\_\_
4. Yang Berhormat akan berada di pejabatnya ..... pagi hingga petang setiap hari Rabu. (dari, daripada)  
❑ Jawapannya : \_\_\_\_\_
5. Pengajaran ..... pengalaman pahit itu telah menginsafkan Khalid, kembali ke pangkal jalan. (dari, daripada)  
❑ Jawapannya : \_\_\_\_\_

**C**

*Pilih dan tentukan kata penegas yang paling sesuai untuk diisikan ke tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.*

cuma	hanya	juga	lagi	memang	sahaja
------	-------	------	------	--------	--------

1. Pasar raya itu ..... menjual tas tangan yang dibuat daripada kulit yang diimport dari Siam.  
❑ Jawapannya : \_\_\_\_\_
2. Saya ..... ingin mengikut jejak kakak saya menjadi seorang jurutera binaan yang terkenal.  
❑ Jawapannya : \_\_\_\_\_
3. Ayah saya memberi wang belanja sekolah sebanyak seringgit ..... kepada saya setiap hari.  
❑ Jawapannya : \_\_\_\_\_
4. Buku cerita ini walaupun tebal tetapi tidak mahal, harganya ..... lima belas ringgit senaskhah.  
❑ Jawapannya : \_\_\_\_\_
5. Kenyataan pemaju perumahan itu ..... menyakitkan hati para pembeli rumah di taman tersebut.  
❑ Jawapannya : \_\_\_\_\_

**D**

Pilih kata majmuk yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong di bawah ini.

- 1 Malek \_\_\_\_\_ Muhammad Haikal, hendaklah membersihkan taman sains itu.  
 A kalaupun      C sungguhpun  
 B mahupun      D bagaimanapun
- 2 Leman \_\_\_\_\_ apabila dia mendapat tahu ada orang mencuri buah durian di dusunnya.  
 A darah naik      C naik kepala  
 B naik darah      D darah tinggi
- 3 Mahadi \_\_\_\_\_ apabila Abdul Rahim tidak menjemputnya ke majlis itu.  
 A jauh hati      C resah hati  
 B hati batu      D makan hati
- 4 Nur Shahiratul Aina dan adik-adiknya mendapat bantuan Skim Tuisyen Berbaucar (STB) kerana mereka adalah \_\_\_\_\_.  
 A anak yatim      C kaum kerabat  
 B belas kasihan      D sahabat handai
- 5 Cik Farhana bekerja sebagai \_\_\_\_\_ sulit kepada Yang Berhormat Dato' Salmiah Bahrin, Ahli Parlimen Tanjung Karang.  
 A setiausaha      C pesuruhjaya  
 B suruhanjaya      D jawatankuasa
- 6 Kamu perlu menurunkan sepuluh \_\_\_\_\_ di dalam borang perjanjian itu.  
 A kerjasama      C tandatangan  
 B kakitangan      D tanggungjawab
- 7 Jamaliah berasa \_\_\_\_\_ semenjak ibunya meninggal dunia minggu lepas.  
 A sukacita      C sukarela  
 B dukacita      D sediakala
- 8 \_\_\_\_\_ bangunan Pejabat Persekutuan itu adalah berkonsepkan seni bina Islam.  
 A Paras rupa      C Reka bentuk  
 B Harta benda      D Alat pekakas
- 9 Sudah menjadi \_\_\_\_\_ Encik Khairi untuk menyediakan kelengkapan perkhemahan unit beruniform itu sebelum pagi besok.  
 A sukarela      C barangkali  
 B kerjasama      D tanggungjawab
- 10 Dia berasa amat gembira apabila \_\_\_\_\_ mengusahakan tanaman jagung dan nanas di kawasan tanah terbiar itu mengeluarkan hasil.  
 A tunjuk ajar      C untung rugi  
 B penat jerih      D cucuk tanam

**E**

Pilih kata bandingan yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong di bawah ini.

- 1 Kuih koci yang dibuat oleh emak itu berwarna hijau seperti \_\_\_\_\_.  
 A saga      C kunyit  
 B lumut      D rumput
- 2 Kek pisang yang disimpan di dalam peti sejuk menjadi keras seperti \_\_\_\_\_.  
 A besi      C kayu  
 B batu      D getah
- 3 Ubat itu terpaksa ditelan oleh abang walaupun pahit seperti \_\_\_\_\_.  
 A halia      C peria  
 B cuka      D hempedu
- 4 Sindirannya yang tajam seperti \_\_\_\_\_ itu telah menghiris perasaan tunangnya.  
 A keris      C padang  
 B pisau      D sembilu
- 5 Air sungai dari gunung itu bukan sahaja dingin malahan jernih seperti \_\_\_\_\_.  
 A salji      C cermin  
 B kapas      D permata
- 6 Pahlawan muda itu berani seperti \_\_\_\_\_, dia berjaya menewaskan banyak musuh.  
 A gajah      C raksasa  
 B gergasi      D harimau
- 7 Zaidi memenangi perlumbaan itu kerana dia berlari pantas seperti \_\_\_\_\_.  
 A kilat      C petir  
 B ribut      D guruh
- 8 Kalibat pemain bola baling yang licin macam \_\_\_\_\_ itu amat sukar untuk dikawal.  
 A belut      C ikan  
 B sabun      D kaca
- 9 Gadis Melayu yang pemalu seperti \_\_\_\_\_ itu tidak pernah keluar dari rumahnya.  
 A bidadari      C malaikat  
 B pendeta      D pengantin
- 10 "Jangan bersikap gelojoh seperti \_\_\_\_\_," kata emak kepada adik.  
 A merak      C langau  
 B semut      D merpati

**F**

Item karangan format baru 2005 - membina lima ayat berpandukan gambar yang diberi.

### Bahagian A

[Masa yang dicadangkan : 15 minit]

[10 markah]

- Tulis lima ayat lengkap tentang gambar di bawah.



### BAHAGIAN A

Nombor Soalan	
---------------	--


**G**

*Penulisan Genre format baru 2005 – Karangan Jenis Berita.*

### Bahagian B

[Masa yang dicadangkan : 40 minit]

[30 markah]

*Sekolah kamu telah memenangi pertandingan bola sepak peringkat daerah. Kamu dikehendaki menulis berita tentang pertandingan bola sepak tersebut.*

*Isikan tempat-tempat kosong dalam karangan di bawah ini dengan pilih jawapan yang betul.*

serba

memukau

rancak

mewakili

daerah

anugerah

diadakan

dipilih

tempat

utama

### SK AMINUDDIN BAKI MENJULANG PIALA

**BATANG PADANG**, Ahad, 27 Februari – Sekolah Kebangsaan Aminuddin Baki (SKAB), Slim River menjadi juara pertandingan bola sepak ...**(1)**... Batang Padang Tahun 2005. Sekolah tersebut menewaskan Sekolah Kebangsaan Datuk Kelana (SKDK), Tapah, 3 – 2, petang semalam.

Perlawanan akhir itu ...**(2)**... di Kompleks Sukan Daerah Batang Padang. Pada perlawanan kali ini, pasukan SKAB berpakaian merah kuning manakala pasukan SKDK pula berpakaian ...**(3)**... biru.

Penyerang ...**(4)**... SKAB, Azizul Salleh tidak diturunkan kerana cedera. Pemain harapan pasukan tersebut, Zulkifli Hanapiah menggantikan ...**(5)**... Azizul. Zulkifli membuktikan kejaguhannya apabila berjaya membolosi dua gol gawang lawan.

Kedua-dua pasukan mempersembahkan permainan yang ...**(6)**... dan menarik. Aksi-aksi cemas di pintu gol kedua-dua pasukan ...**(7)**... para penonton. Para penonton juga memberikan galakan dan sokongan kepada kedua-dua pasukan tanpa berbelah bagi.

Samsul Abdul Rahmat dari SKDK memenangi ...**(8)**... Kasut Emas. Samsul telah menjaringkan lapan gol, dia juga merupakan penjaring terbanyak dalam kejohanan tersebut. Zulkifli Hanapiah pula ...**(9)**... sebagai pemain terbaik perlawanan akhir.

Hadiyah telah disampaikan oleh Pegawai Pendidikan Daerah, Tuan Haji Ibrahim bin Ahmad. Pasukan SKAB akan ...**(10)**... daerah Batang Padang ke pertandingan peringkat negeri pada 26 Mac akan datang. Perlawanan akan diadakan di Stadium Ipoh.

### BAHAGIAN B

Nombor Soalan

 H

Item terkini 2005 - menyenarai/menulis amalan baik dan nilai murni daripada petikan yang disediakan.

### Bahagian C

[Masa yang dicadangkan : 20 minit]  
[20 markah]

1. Tulis beberapa pengajaran dan harapan yang kamu boleh dapat daripada petikan sajak di bawah.  
Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**.  
Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Ibu  
Jasamu berpanjangan  
Membimbing, mendidik  
Penuh beliaian kasih abadi  
Dari kecil hingga besar dewasa  
Menjadi manusia

Ibu  
Kau tetap menyayangi  
Walau aku nakal  
Kau tetap mengasihi  
Walau sudah berjauhan

Ibu  
Kini aku telah berjaya  
Baktimu akan aku balas  
Sebelum ibu menutup mata.

Nombor Soalan	
---------------	--

### Bahagian C

